



KENYATAAN MEDIA

MERUJUK KEPADA ARTIKAL *FREE MALAYSIA TODAY* PADA 2 JANUARI 2019 MENGENAI "ORANG KURANG UPAYA MENYERU KEPADA KERAJAAN AGAR TIDAK MENGABAIKAN MEREKA"

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum berkenaan artikel di dalam Free Malaysia Today yang mengetengahkan isu-isu berkaitan Orang Kurang Upaya (PWD) di Malaysia.

Kementerian memandang serius tuduhan yang dibuat yang mana boleh dianggap bertujuan untuk mencemarkan nama baik dan reputasi Kementerian ini. KPWKM ingin menegaskan bahawa golongan OKU, sebagai salah satu daripada lapan (8) kumpulan sasar di bawah tanggungjawab KPWKM, turut dilantik untuk mewakili suara golongan tersebut di Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang diperuntukkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008.

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat telah mempengerusikan Mesyuarat MKBOKU pertama beliau pada 13 November 2018. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh tujuh (7) daripada 10 orang ahli yang dilantik yang mewakili golongan OKU. MKBOKU telah bersetuju dengan beberapa perkara utama, berkaitan dengan cadangan bagi meningkatkan aksesibiliti kepada golongan OKU seperti pewujudan Pelan Induk Aksesibiliti. Perkara tersebut juga dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) yang akan datang.

Selepas pembentukan kerajaan baru pada 9 Mei 2018, YAB Timbalan Perdana Menteri serta Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat telah mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil daripada Harapan OKU pada 9 Julai 2018. KPWKM turut melibatkan golongan OKU melalui pelbagai program yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Jabatan Pembangunan OKU. Selain daripada itu, Kementerian menyalurkan bantuan kebajikan kepada golongan rentan yang layak termasuklah golongan OKU. Langkah-langkah yang diambil ini merupakan salah satu usaha KPWKM dalam meningkatkan kesejahteraan hidup OKU serta memudah cara inklusiviti golongan ini ke dalam masyarakat.

Kerajaan melalui KPWKM juga komited dalam mematuhi prinsip-prinsip yang diperuntukkan di bawah Konvensyen Hak Asasi OKU atau *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD), di mana salah satu prinsip tersebut adalah penyertaan penuh dan berkesan serta inklusiviti OKU ke dalam masyarakat. Di antara beberapa program utama KPWKM mengenai OKU untuk tahun 2019 adalah pelaksanaan dua (2) kajian yang akan menumpukan kepada peluang pekerjaan untuk OKU serta sistem sokongan bagi penjaga kepada OKU. SpecialJobs.com.my pula merupakan satu kolaborasi di antara kerajaan dan sebuah institusi pengajian tinggi swasta, yang mana portal tersebut diwujudkan khas untuk carian pekerjaan bagi OKU.

KPWKM perlu menegaskan bahawa tanggungjawab bagi promosi dan perlindungan hak asasi OKU serta peningkatan kesejahteraan hidup golongan ini bukanlah terletak di bahu kerajaan semata-mata. Ia merupakan satu tanggungjawab kolektif yang perlu didukung bersama-sama dengan masyarakat sivil, sektor swasta, komuniti dan juga keluarga OKU ini. KPWKM sekali lagi ingin menegaskan komitmennya dalam memastikan kesejahteraan hidup kumpulan sasarannya adalah terpelihara.

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
10 Januari 2019**